



KENYATAAN MEDIA **UNTUK SIARAN SEGERA**

BMS 2023 BERJAYA CAPAI SASARAN, CATAT LEBIH RM220 JUTA DEPOSIT SIMPAN SSPN

1. Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 anjuran Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang berlangsung selama sebulan sepanjang Oktober 2023 telah mencatat kejayaan dengan terimaan deposit Simpan SSPN berjumlah RM228.8 juta atau 104% berbanding sasaran awal sebanyak RM220 juta. Pencapaian ini jelas menunjukkan masyarakat Malaysia mempunyai tahap literasi kewangan yang baik dan mempunyai kesedaran untuk membuat penabungan demi masa depan pendidikan tinggi anak-anak.

2. BMS merupakan usaha pemeraksanaan penabungan yang dipelopori oleh PTPTN sejak tahun 2018 bertujuan untuk memastikan setiap ibu bapa menjadi adiwira atau *superhero* kepada anak-anak dengan mempunyai perancangan kewangan. Tahun 2023 merupakan tahun keenam penganjuran BMS bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun. Program ini buat julung kalinya diadakan secara *on-ground event* menerusi konsep jelajah atau *road tour* merentasi 14 negeri di lokasi terpilih seluruh Malaysia. Pelbagai aktiviti dan pertandingan telah diadakan yang disertai oleh ibu bapa dan anak-anak dari semua lapisan masyarakat sepanjang program ini berlangsung.

3. Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, "Penganjuran BMS 2023 ini jelas menunjukkan bahawa PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam usaha memacu perancangan kewangan jangka masa panjang untuk tujuan pendidikan. Berdasarkan kejayaan kutipan deposit Simpan SSPN pada BMS 2023 yang melebihi sasaran, jelas menunjukkan bahawa setiap usaha dan strategi yang dirangka mendapat sokongan padu masyarakat Malaysia Madani. Hal ini membuktikan ibu bapa semakin cakna dengan pengurusan kewangan untuk pendidikan tinggi anak-anak dalam melahirkan generasi modal insan yang berkualiti tinggi."

4. “Kekallah menjadi *superhero* sepanjang masa untuk anak-anak dengan membuat perancangan kewangan dari awal bagi memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna. Pendidikan memainkan peranan penting, bukan sahaja sebagai satu laluan untuk melahirkan modal insan yang berguna tetapi juga menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan ekonomi negara,” tambah beliau lagi.

5. PTPTN mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh masyarakat Malaysia di atas komitmen dan usaha yang ditunjukkan dalam membudayakan sikap menabung dengan memilih Simpan SSPN sebagai instrumen tabungan terbaik. PTPTN akan terus komited meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menabung di dalam Simpan SSPN bagi mengurangkan kebergantungan ibu bapa kepada pinjaman pendidikan. PTPTN yakin usaha ini akan disokong oleh semua pihak bagi merealisasikan visi PTPTN sebagai Peneraju Tabung Pendidikan Tinggi Utama Negara.

6. Pelbagai keistimewaan dan manfaat disediakan kepada pendeposit Simpan SSPN seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 bagi satu keluarga yang layak, patuh syariah dan simpanan dijamin Kerajaan.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
18 November 2023